



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 21 DISEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TERSUNGKUR SEBAGAI PENTERNAK, KINI JADI PETANI BERJAYA, DLM NEGERI, UM-8	JABATAN PERTANIAN (DOA)
2.	RM288M ALLOCATED FOR FISHERMEN HOMES, NATIONAL, THE SUN-4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	JIMAT PERBELANJAAN RAKYAT, UNTUNGKAN USAHAWAN TEMPATAN, NASIONAL, SH-21	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	LKIM CARI JALAN BENARKAN NELAYAN TANGKAP UDANG, NEGARA, KOSMO-16	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	MTL BUKAN ALASAN NAIK HARGA IKAN, NASIONAL, SH-8	
6.	RAMPAS 1280KG DAGING, TULANG LEMBU IMPORT, NEGERI, SH-26	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7.	HUJAN SEMINGGU BAWA BENCANA, LOCAL, HM-4	LAIN-LAIN
8.	40 PESAWAH BERPUTIH MATA PADI MASAK DIMUSNAHKAN BANJIR, NASIONAL, BH-15	
9.	MARITIM MALAYSIA RAMPAS 670 SET BUBU NAGA DI PERAIRAN TANJUNG DAWAI, NEGERI KEDAH, SH-27	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/12/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGARA	8

# Tersungkur sebagai penternak, kini jadi petani berjaya

Oleh FADZIL ZAINOL  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA KANGSAR:** Detik pahit menyaksikan ternakan ikan yang diusahakannya musnah dilanda banjir, tidak melunturkan semangat Mohamad Helmi Muhammad Rozi, 42, untuk terus bersama bidang pertanian.

Pada 2016, dia menyifatkan penternakan ikan yang diusahakannya gagal akibat banjir besar di Kuala Kangsar sekali gus menyebabkannya menanggung kerugian besar.

Dua tahun kemudian, dia bangkit dan sehingga kini terus mengusahakan tanaman sayuran secara komersial di kawasan Manong, di sini untuk dipasarkan kepada pasar borong serta penjual khususnya di Kuala Kangsar.

Mohamad Helmi berkata, antara tanaman yang diusahakan ialah cili, timun, terung secara fertigasi selain labu air dan labu manis.

"Saya mencebur ke pertanian sejak 2013 selepas berhenti sebagai penjawat awam. Bermula dengan bidang penternakan ikan tapi gagal akibat banjir besar pada 2016.

"Kemudian saya mencuba pertanian tanaman sejak 2018. Semua hasil dihantar terus ke pasar borong dan kedai-kedai sekitar Manong dan Kuala Kangsar," katanya.

Mohamad Helmi bersyukur apabila komitmennya untuk terus kekal dalam sektor pertanian mendapat perhatian Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) yang memberinya pinjaman.

"Kemudahan daripada SADC membantu saya meluaskan lagi perusahaan ini. Hasilnya, saya



**MOHAMAD Helmi Muhammad Rozi mengusahakan tanaman sayur fertigasi di ladangnya di Kuala Kangsar, Perak.**

dapat meningkatkan jumlah polibeg daripada 2,500 kepada 5,000.

"Sokongan dan dorongan pihak Jabatan Pertanian juga memberi keyakinan untuk terus menambah baik segala aktiviti penanaman yang saya lakukan," katanya.

Mohamad Helmi melihat sektor pertanian membuka potensi yang sangat besar lebih-lebih lagi dalam usaha pelbagai pihak termasuk kerajaan untuk memastikan jaminan sekuriti makanan.

Menurutnya, oleh sebab itu

dia meletakkan sasaran untuk meningkatkan pengeluaran secara berterusan dan tanaman dilakukan secara berjadual bagi memastikan pengeluaran yang konsisten.

"Saya gembira dengan segala bantuan dana serta teknikal yang diberikan oleh agensi seperti SADC dan penekanan terhadap keterjaminan makanan."

"Ini sejajar seperti yang ditekankan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad di bawah pelan Perak Sejahtera 2030 yang akan membuka peluang lebih besar buat petani moden dalam kalangan rakyat negeri ini," katanya.

**2030  
PERAK  
SEJAHTERA**

## RM228m allocated for fishermen homes

**PASIR PUTEH:** The Fisheries Development Authority of Malaysia has allocated RM228.2 million to repair and build new houses nationwide under the Special Housing Project for Fishermen from 2013 to September this year.

Its chairman Muhammad Faiz Fadzil said yesterday RM16.3 million was allocated for the construction of 257 new houses while RM211.9 million was set aside to repair 20,086 existing homes.

"We have received over 500 applications for the construction of new houses, which we are still processing. Next year, we plan to repair 348 houses and build 48 new ones.

"The selection criteria include fishermen having their own land, in addition to being active in associations and fishing activities," he said after officiating at an engagement session with fishermen associations in Kelantan.

At the event, 200 association members from Semerak, Bachok, Kota Bharu and Tumpat, who were affected by floods, received food baskets.

Earlier, Muhammad Faiz visited the National Fishermen's Association ice factory at the Tok Bali fishing port.

The RM10 million facility is the National Fishermen Association's initiative to ensure sufficient supply of ice for fishermen in the Pasir Puteh area, particularly in Tok Bali.

The factory can produce up to 200 tonnes of ice a day, benefiting both deep sea and coastal fishermen. – Bernama

**Jimat perbelanjaan rakyat, untungkan usahawan tempatan**

FOTO: BERNAMA

Zali Shaari, 59, pula berkata, harga barang yang lebih murah dan berkualiti bersanding pasar raya atau kedai runcit membuat dia tidak mahu melepasikan peluang untuk membeli barang keperluan di jualan berkenaan.

Bapa lajuan anak itu turut berharap program berkenaan dapat diadakan lebih kerap sekurang-kurangnya dua ke tiga kali sebulan bagi membantu golongan kurang berkemampuan, terutamanya dalam keadaan ekonomi tidak menentu ketika ini.

"Pak cik gembira dengan inisiatif kerajaan ini. Hari ini pak cik beli beras putih tempatan hanya RM26 bagi 10 kilogram. Selau kalau beli di luar harganya RM40, memang sangat menjimatkan. Jadi, memang bagus macam ini. Harap Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) atau Jabatan Pertanian akan selalu adakan program ini."

"Selain itu, orang kurang berkemampuan turut boleh merasai makanan laut seperti udang dan sotong yang dijual sangat mahal di pasar tapi pulak boleh RM28 sekilo di sini dan ikaran pulak boleh dapat bermula RM9 seekor. Jadi, sangat membantu rakyat, terutamanya di kawasan kampung," katanya.

Dalam pada itu, usahawan tani Zainah Yaakub, 50, menyifatkan pelaksanaan Jualan Agro Madani itu sebagai situasi mengang-menang' kerana bukan hanya member faedah kepada penduduk sekitar malah menguntungkan usahawan yang mengambil bahagian.

"Ini kerana petani terutamanya boleh penjimatan antara 20 hingga 30 peratus,

Pengunjung tidak melepaskan peluang mendapatkan barang makanan dan keperluan asas pada harga berpatutan di Tapak Jualan Agro Madani di pekarangan Masjid Jamek Tunku Besar Tampin pada Selasa.

Beliau berkata, sebanyak 1,000 kampit beras putih tempatan 10kg juga disediakan selain pelbagai barang basah termasuk kombo Madani mengandungi seekor ayam, sayur-sayuran dan sepeket nonyek masak yang dijual pada harga RM15.

"Jualan Agro Madani pada hari ini memberi manfaat kepada 800 ke 1,000 penduduk. Sejak dari pagi memang mendapat sambutan yang sangat baik. Program ini memang selalu diadakan dan esok kita akan buat di Gemas pula," katanya.

**TAMPIN** - Setiap kali Jualan Agro Madani diadakan di daerah ini, Ropieah Mat Said, 53, ialah antara penduduk yang tidak pernah melepasskan peluang untuk membeli-belah di jualan itu.

Malah, suri rumah dari Kampung Pondoi di sini itu berkata, sewal jam 8 pagi lagi dia bersama anak dan cucunya telah ke lokasi terabit kerana tidak mau ke tinggalan mendapatkan barang pada harga berpatutan.

Menurutnya, kesempatan itu perlu digunakan sebaiknya oleh penduduk sekitar untuk mendapatkan pelbagai barang makanan dan keperluan asas diinginkan pada harga murah yang pastinya mampu mengurangkan beban sara hidup dan menjimatkan perbelanjaan.

"Hari ini Jualan Agro Madani diadakan di pekarangan Masjid Jamek Tuanku Besar di sini kira-kira 20 minit dari rumah, pergi awal takut nanti cepat habis. Kami dapat tahu program ini diadakan melalui kumpulan WhatsApp kampung sejak dua ke tiga hari lepas dan la memang sesuai yang ditunggu-tunggu.

"Mak cik gembira jualan ini diadakan. Kami akan dapatkan stok barang-an termasuk minyak masak, beras, telur pada harga yang lagi murah dari pasaran yang bezanya lebih RM5, malah sayur-sayuran pun boleh dapat pada harga RM1 sekitar, memang berbaloi," katanya kepada Bernama di sini pada Selasa.

- Pesara dari Taman Bukit Tampin,

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/12/2023	KOSMO	NEGARA	16



**MUHAMMAD FAIZ (dua dari kiri) menyampaikan bakul makanan kepada nelayan di PNK Semerak, Pasir Puteh semalam.**

## LKIM cari jalan benarkan nelayan tangkap udang

**PASIR PUTEH** – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedia berjumpa dengan Jabatan Perikanan bagi membincangkan isu kebenaran nelayan menangkap udang di pesisir pantai sepanjang Monsun Timur Laut (MTL).

Difahamkan, sebahagian besar nelayan bot kecil tidak dapat memukat udang apabila permit Lesen Pukat Tunda Musim Tengkujuh (PTMT) tidak dikeluarkan, sekali gus menyebabkan golongan tersebut berdepan kesalahan atau bot akan disita.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, pihaknya mengakui penguatkuasaan berkait perkara tersebut

but berada di bawah bidang kuasa Jabatan Perikanan.

Beliau sebelum itu ditemui selepas Program Rahmah Mesra Madani Bersama Nelayan di Pejabat Nelayan Kawasan (PNK) Semerak, Tok Bali semalam.

Menurutnya, LKIM akan mengadakan pertemuan dengan jabatan itu bagi membincangkan perkara melibatkan kebenaran, permit dan lesen sementara bagi membolehkan nelayan kecil cari rezeki.

“Kita ada menerima aduan berkenaan dan bersedia untuk berbincang dengan pihak berkaitan bagi merungkai masalah itu terutama pada MTL,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/12/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

## MTL bukan alasan naik harga ikan

**PASIR PUTEH** - Orang tengah diingatkan supaya tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga ikan sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) yang sedang melanda negeri-negeri Pantai Timur.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil



Muhammad Faiz (kiri) menyampaikan bakul makanan kepada nelayan pada Majlis Rahmah Mesra Madani bersama nelayan di Persatuan Nelayan Kawasan Semerak, Pasir Puteh pada Rabu.

berkata, ini kerana bekalan bahan mentah itu cukup untuk menampung keperluan rakyat.

"Perkara ini tidak sepatutnya berlaku dengan menjadikan MTL sebagai alasan untuk menaikkan harga.

"Nelayan-nelayan di Pantai Barat dan nelayan kategori bot C dan C2 di Pantai Timur masih boleh turun ke laut ketika ini walaupun MTL," katanya semasa sidang akhbar pada Rabu.

Beliau sebelum itu merasmikan Rahmah Mesra Madani bersama nelayan di Persatuan Nelayan Kawasan Semerak di sini.

Seramai 50 nelayan di Pasir Puteh menerima bantuan bakul makanan susulan MTL.

Menurut beliau, pada masa sama Perak merekodkan jumlah pendaratan ikan tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 15,000 tan metrik sebulan.

Ujarnya, di Sabah pula 10,000 tan metrik ikan didararkan di negeri berkenaan sekali gus mampu menampung keperluan dalam negara.

Sementara itu, LKIM akan berjumpa Jabatan Perikanan untuk membincangkan isu berkaitan tangkapan udang di pesisir pantai sepanjang MTL.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
21/12/2023	SINAR HARIAN	NEGERI	SURAT
		26	

## Rampas 1,280kg daging, tulang lembu import

**SEPANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarrantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas daging dan tulang lembu sejuk beku dari Australia selepas mendapatkan tertera tarikh penyembelihan meragukan.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, rampasan seberat 1,780 kilogram (kg) bernilai RM250,000 dibuat ketika pemeriksaan di Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, pada Jumaat.


"Semakan awal mendapati hasil-haiwan dibawa masuk syarikat tempatan ini mempunyai permit import sah daripada Maqis, namun mengemukakan dokumen sijil halal mengandungi maklumat mengelirukan. "Pemeriksaan lanjut mendapati tarikh penyembelihan dinyatakan

dalam sijil halal tidak sama dengan tarikh penyembelihan pada kotak dan pembungkus daging," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarrantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengisyitharkan maklumat mengelirukan.

"Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diberi perhatian di semua pintu masuk bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian.

"Ini bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma diimport bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat ditetapkan," ujarnya.



Maqis Selangor merampas daging dan tulang lembu bernilai RM250,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/12/2023	HARIAN METRO	LOKAL	4

Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@hmetro.com.my

#### Pekan

Seramai 40 pesawah Kampung Langgar, Pahang Tua di sini, mendakwa terpaksa menanggung kerugian lebih RM500,000 selepas tanaman padi mereka ditenggelami banjir akibat hujan berpanjangan selama seminggu.

Paling menyedihkan, lebih 80 hektar sawah padi Kumpulan Pengguna Air (KPA) Mawar Langgar itu sudah matang dan sedia untuk dituai dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi.

Pesawah Shamsuddin Abdul Rani, 58, berkata paras air kini setinggi kira-kira satu meter kerana hujan berterusan sejak Jumaat lalu hingga menyebabkan hampir keseluruhan sawah padi kini ditenggelami.

Menurutnya, jadual penanaman padi musim kedua tahun ini yang berubah selain itu sistem saliran antara faktor menyebabkan paras air dalam sawah

# Hujan seminggu bawa bencana!

**40 pesawah dakwa terpaksa tanggung rugi lebih RM500k selepas tanaman ditenggelami banjir**

meningkat secara berlebihan hampir setiap tahun.

Katanya, pesawah hanya menunggu proses menuai dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi.

Air berlebihan dalam sawah sepatutnya keluar ke Sungai Pahang namun disebabkan faktor saliran dan bentuk muka bumi menyebabkan paras air kini meningkat apabila hujan berlebihan.

"Saya berpendapat antara usaha yang perlu dilakukan dalam memastikan sawah tidak ditenggelami

banjir ialah ubah jadual penanaman sejak musim pertama iaitu pada awal Januari. Sekarang kerja menanam bermula Februari," katanya.

Difahamkan, setiap petak sawah seluas 0.8 hektar mampu menghasilkan dua hingga tiga tan padi.

Ikon pesawah muda, Mohd Fadhil muda, Mohd Sallehuddin, 34, berkata pesawah menanggung kerugian besar apabila hasil padi tidak dapat dituai selepas mengeluarkan 'modal' antara RM1,500

hingga RM1,800 semusim.

"Saya mengusahakan sawah seluas 8.9 hektar di Kampung Langgar dan Pahang Tua. Ini kali kedua sawah ditenggelami banjir berikutan hujan berterusan.

"Pesawah berusaha meraih pendapatan dengan mengusahakan projek pertanian di kawasan jelapang padi negara ini, namun impian meraih hasil diharapkan tidak menjadi kenyataan," katanya yang berharap banjir segera surut.

Katanya, hanya dengan bantuan kerajaan dapat memulihkan semangat pesawah seterusnya memulakan semula projek tanaman padi tahun depan.

**"Pesawah menanggung kerugian besar apabila hasil padi tidak dapat dituai"**

Mohd Fadhil



SHAMSUDDIN di kawasan sawah Kampung Langgar yang ditenggelami banjir sedalam kira-kira satu meter selepas hujan selama seminggu. · Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

# 40 pesawah berputih mata padi masak dimusnahkan banjir

80 hektar sawah Kampung Langgar ditenggelami air akibatkan kerugian lebih RM500,000

**Pekan:** Sekurang-kurangnya 40 pesawah di Kampung Langgar, dekat Pahang Tua, di sini, kerugian lebih RM500,000 apabila padi diusahakan mereka ditenggelami banjir selepas hujan berlarian sejak seminggu.

Lebih menyedihkan, kawasan sawah Kumpulan Pengguna Air (KPA) Mawar Langgar berkeluasan lebih 80 hektar itu, sudah matang dan sedia dituai dalam dua hingga tiga minggu lagi.

Pesawah, Shamsuddin Abdul Rani, 58, berkata hampir keseluruhan sawah ditenggelami air setinggi kira-kira satu meter selepas hujan berterusan selama seminggu.

Katanya, jadual penanaman


Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bh.com.my

Shamsuddin yang mengusaha-sawah sebab sekitar lebuh empat hektar berkata, tahun lalu sebahagian sawah miliknya turut ditenggelami banjir berikutan musim tengkujuh berlaku lebih awal. “Kami pesawah hanya mampu reda dengan apa yang berlaku apabila padi tidak sempat dituai kerana ditenggelami banjir. Pokok padi akan mati apabila terendam dalam air tiga hingga tujuh hari,” katanya.

Ikon pesawah muda, Mohd Fadhil Mohd Salehuddin, 34, berkata pesawah menanggung kerugian besar kerana modal setiap petak sawah antara RM1,500 hingga RM1,800 semusim yang digunakan untuk membeli benih, bahan racun dan upah membajak.

“Saya mengusahakan sawah seluas 8.9 hektar di Kampung Langgar dan Pahang Tua... ini tengkujuh berlaku lebih awal. “Kami pesawah hanya mampu reda dengan apa yang berlaku apabila padi tidak sempat dituai kerana ditenggelami banjir. Pokok padi akan mati apabila terendam dalam air tiga hingga tujuh hari,” katanya.

Katanya, jadual penanaman



(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Mohd Fadhil berkata, hanya bantuan kerajaan dapat memulihkan semangat pesawah seterusnya memulakan semula projek tanaman padi tahun depan, namun wang ihsan kemudahan tanaman padi banjir akhir tahun lalu masih tidak diterima pesawah.

“Air berlebihan di kawasan sawah sepatutnya keluar ke Sungai Pahang, namun disebabkan faktor saliran dan bentuk muka bumi menyebabkan paras air meningkat apabila hujan berlebihan.

“Saya berpendapat antara usaha perlu dilakukan adalah dengan mengubah jadual penanaman sejak musim pertama lagi, aktiviti menanam padi perlu dilakukan awal Januari setiap tahun. Sekarang kerja menanam bermula Februari,” katanya.

**Menurunkan durasi awal**

Shamsuddin yang mengusaha-sawah sebab sekitar lebuh empat hektar berkata, tahun lalu sebahagian sawah miliknya turut ditenggelami banjir berikutan musim tengkujuh berlaku lebih awal.

“Kami pesawah hanya mampu reda dengan apa yang berlaku apabila padi tidak sempat dituai kerana ditenggelami banjir. Pokok padi akan mati apabila terendam dalam air tiga hingga tujuh hari,” katanya.

Katanya, jadual penanaman

Shamsuddin menunjukkan sawahnya di Kampung Langgar yang ditenggelami banjir kira-kira satu meter selepas hujan selama seminggu.

kali kedua sawah ditenggelami banjir berikutnya hujan berterusan. “pesawah” berusaha meraih pendapatan dengan mengusaha-jalapang padi negara ini, namun impian meraih hasil diharapkan tidak menjadi kenyataan,” kata nya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/12/2023	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	27

## Maritim Malaysia rampas 670 set bubu naga di perairan Tanjung Dawai

**KUALA KEDAH** - Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kuala Kedah merampas 670 set bubu naga dalam satu operasi khas di beberapa lokasi di perairan Tanjung Dawai hingga ke perairan Kuala Kedah pada Isnin dan Selasa.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak berkata, rampasan bubu naga dianggar-kan bernilai RM80,000 itu diperoleh dalam operasi khas hasil kerjasama antara Bahagian Siasatan Jenayah Maritim Ibu Pejabat Maritim Putrajaya dan Unit Risik

Zon Maritim Kuala Kedah. Beliau berkata, pihak Maritim Malaysia menemui pelbagai taktik digunakan olehan bagi mengaburi mata pihak berkuasa seperti mengubah lokasi semasa pemasangan bubu ketika rondaan dilaksanakan.

"Antara taktik lain termasuklah meletakkan pelampung penanda mengelirukan seperti botol, bendera, pancang kayu, pelampung kecil, gabus, kain berwarna diikat pada tong minyak kecil dan cubaan meletakkan bubu dalam satu tempoh masa berlainan.

"Selain itu, penggunaan beberapa alatan Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) tidak berlesen dan tidak diluluskan di-kesan pada setiap bubu naga berukuran kira-kira 10 meter itu," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Ujarnya, kesemua bubu naga yang dirampas dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk siatasan di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985. Noor Azreyanti memaklumkan, operasi selama dua hari itu diliaksanakan berikutan peningkatan aduan awam dan pemantauan rutin Maritim Malaysia.